



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 29 JULAI 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERLUAS TANAMAN DURIAN MDUR 88 UNTUK EKSPORT, NASIONAL, SH -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KES PENDERAAN, PENGABAIAH HAIWAN MENINGKAT SETIAP TAHUN, LOKAL, HM -18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	MARITIM MALAYSIA SITA AMBAI, BELAT HARAM, NASIONAL, BH -15	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	FISHERIES SECTOR RECORDS PRODUCTION OF 1.3M METRIC TONNES, NATIONAL, THE SUN -4	
5.	OPERASI PEMBENIHAN AWAN DI PERAK, KEDAH BERMULA, NASIONAL, SH -14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6.	LAKSANA OPA DI KEDAH DAN PERAK, LOKAL, HM -3	
7.	BANCI PERTANIAN 2024 CAPAI 20%, NEGARA, KOSMO -7	LAIN-LAIN
8.	DURIAN KAMPUNG HANYA RM4 SEKILOGRAM, NEGARA, UM -14	
9.	MUSANG KING GUA MUSANG LARIS, BUAH BERKUALITI TINGGI, NEGARA, KOSMO -14	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

29/7/2024

SINAR

NASIONAL

14

HARIAN

Tingkatkan paras air empangan di dua negeri untuk pertanian dan domestik

Oleh ROSHELA MURNI ROSLI
SHAH ALAM

Kerajaan akan melaksanakan Operasi Pembenihan Awan (OPA) di negeri Perak dan Kedah pada 26 Julai ini untuk meningkatkan paras air Empangan Muda, Perak dan Empangan Muda, Kedah bagi tujuan pertanian dan kegunaan air domestik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata OPA dilaksanakan atas permohonan Lembaga Kemajuan Pembangunan Petempatan Bersepadu (MADA) Kawasan Persempitan Perak dan Kedah (LSANK) melalui penerbitan antara Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Kementerian Pertanian dan Kajian Mekanik.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan melaksanakan OPA di Kedah dan Perak. Menurut Ahmad Zahid, Menteri Pertanian, OPA ini bertujuan meningkatkan paras air Empangan Muda, Perak dan Empangan Muda, Kedah bagi tujuan pertanian dan kegunaan air domestik.

MetMalaysia menjangka hujan di negeri Kedah dan Perak pada 26 Julai. OPA ini dilaksanakan atas permintaan MADA Kawasan Persempitan Perak dan Kedah (LSANK) melalui penerbitan antara Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Kementerian Pertanian dan Kajian Mekanik.

Ketamaan akan dibenarkan kepada keperluan domestik dan pertanian. Menurut Ahmad Zahid, Menteri Pertanian, OPA ini bertujuan meningkatkan paras air Empangan Muda, Perak dan Empangan Muda, Kedah bagi tujuan pertanian dan kegunaan air domestik.

MetMalaysia menjangka hujan di negeri Kedah dan Perak pada 26 Julai. OPA ini dilaksanakan atas permintaan MADA Kawasan Persempitan Perak dan Kedah (LSANK) melalui penerbitan antara Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Kementerian Pertanian dan Kajian Mekanik.



FOTO BERKAS

Peras air Tasek Gubir di SIK, Kedah menyusut dengan drastik, memampatkan butiran dan pulau menyebarkan larak tebing dengan air semakin jauh disebabkan cuaca panas dan kering ketika ini.

"Sejak Pengenal Bencana Pusat, saya bersedia bahawa pelaksanaan OPA ini dibuat bagi meningkatkan paras air Empangan Muda, Perak dan Empangan Muda, Kedah bagi tujuan pertanian dan kegunaan air domestik. OPA ini akan dilaksanakan sepanjang tempoh cuaca panas dan kering," katanya.

Perluas tanaman durian MDUR 88 untuk eksport

KUALA KANGSAR - Kementerian Pertanian dan Kajian Mekanik (KKM) berhasrat memperluas tanaman durian MDUR 88 di negeri Perak untuk meningkatkan pengeluaran durian untuk eksport ke pasaran antarabangsa.

Timbalan Menteri Datuk Joseph Kurup berkata, varieti durian MDUR 88 yang dihasilkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) merupakan salah satu jenis durian yang mempunyai rasa buah itu setanding dengan durian jenis musang King.

"Kita mahu memperluas lagi tanaman durian MDUR 88 di negara ini kerana pengeluarannya masih belum mencukupi untuk menampung permintaan dalam negara," katanya.

Duriorisme MARDI Kuala Kangsar menerima rasmal penginjuran dari luar seperti China, Thailand, Kazakhstan dan mereka (pengunjung) boleh menerima varieti durian MDUR 88 ini. Jadi, kita yakin durian MDUR 88 ini akan menjadi salah satu jenis durian yang terkenal ke seluruh dunia. MARDI Kuala Kangsar yang turut dihadiri Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani dan Pengarah MARDI Perak, Zaiha Zeet Mohamad Yusob, di sini pada Ahad.

Ahmad berkata, durian MDUR 88 mempunyai kelebihan kerana rasanya manis dan berair. Durian MDUR 88 ini adalah durian paling sedap yang pernah dimakan dan harganya sangat berpatutan di pasaran," katanya.

Durian MDUR 88 ini adalah durian yang telah dibangunkan oleh MARDI lalu hasil kecapaian antara induk D10 dengan D24 dan pertama kali disyorkan pada 1981. - Bernama

29/7/2024

HARIAN

LOKAL

18

METRO

Kes penderaan, pengabaian haiwan meningkat setiap tahun

Kuala Lumpur: Kes penderaan dan pengabaian haiwan di Malaysia menunjukkan peningkatan mendadak setiap tahun.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan, 7,613 aduan penderaan haiwan diterima pihaknya sejak 2021 hingga tahun ini.

"Bagi 2021, sebanyak 1,249 aduan diterima manakala 2022 pula merekodkan 1,580 aduan.

"Bagaimanapun berlaku peningkatan mendadak pada 2023 apabila 2,622 aduan kebajikan haiwan dilaporkan di Malaysia dan setakat Januari hingga Jun tahun ini, sebanyak 2,162 aduan sudah diterima," katanya.

DVS berkata, selain itu, Selangor mencatatkan nombor tertinggi kes penderaan haiwan iaitu 3,334 aduan diterima diikuti Kuala Lumpur 1,113 aduan.

"Johor menjadi negeri ketiga tertinggi iaitu 800 kes diikuti Pulau Pinang (695), Perak (491), Negeri Sembilan (410), Kedah (280), Pahang (152), Melaka (145).

"Bagi Kelantan, Perlis, Terengganu, Putrajaya dan Labuan hanya merekodkan dua angka kes diterima DVS," katanya.

DVS turut mengesahkan anjing antara haiwan tertinggi dilaporkan didera iaitu 5,226 dalam tempoh empat tahun sehingga Jun lalu.

Selain anjing, kucing turut mencatatkan kes kedua tertinggi dilaporkan iaitu 1,900 diikuti kuda (178), anab (157), burung (122) dan

lembu (105).

Dalam rekod DVS juga, terdapat haiwan lain antaranya haiwan eksotik (78), ayam (74), hamster (60), kambing (49), Guinea Pig (42), angsa (37), ikan, itik, kura-kura masing-masing 25 aduan dan 20 aduan untu-
tuk ular.

Menu-
rutnya, pihaknya menerima empat kes berkaitan kucing dibuang atas dan semuanya sudah diambil tindakan bermula 2020 hingga Mei lalu.

"Kita juga sudah mengheret 52 individu ke mahkamah dan daripada jumlah itu sembilan penjar kerana melakukan penganiayaan terhadap haiwan sejak lima tahun lalu.

"Selain itu, dengan berjumlah RM970,800 dikenakan terhadap 30 pelaku maka empat individu dikenakan bon berkekualan baik," katanya.

DVS juga menasihati masyarakat supaya lebih bertanggungjawab berikutan peningkatan aduan penderaan dan pengabaian haiwan yang diterima pihaknya.

"Kita boleh kategorikan pemilik haiwan kepada dua kategori iaitu golongan mengangap haiwan kesayangan mereka sebahagian daripada keluarga dan se-

gala keperluannya dipastikan cukup lain.

"Tetapi ada juga segelintir masyarakat kita berminat memiliki atau memelihara haiwan kerana mahu berseronok atau mengikut trend, mereka yang berada dalam golongan ini boleh dikategorikan kurang berilmu dan pengalaman atau kekurangan dari segi kemampuan memikul tanggungjawab menjaga kebajikan, kesihatan, penjagaan serta perhatian kepada kucing.

"Ada juga yang dalam golongan ini mengabaikan haiwan peliharaan mereka jika rasa tidak dipentingkan atau tiada kepentingan pada pemiliknya," katanya.

Menurutnya lagi, pelbagai promosi dan kesedaran kebajikan dan penderaan haiwan diadakan se-

cara intensif sejak 2015. "Kajian dijalankan pada akhir 2021 berkaitan 'Kajian Tentang Pengetahuan Umum Berkaitan Penderaan, Kesedaran dan Sikap Mengenai Kebajikan Haiwan Di Malaysia' mendapati, kebanyakan responden mengetahui penderaan dan asas keperluan kebajikan haiwan.

"Hasil kajian mendapati, 90 peratus daripada responden asas haiwan dan sanggup membayar lebih menyedai dan memastikan keperluan dan kebajikan haiwan yang baik.

"Melalui penggunaan portal aduan kebajikan haiwan yang digunakan sepe-
nuhnya pada 1 Mac 2021, ada peningkatan jumlah aduan," katanya.

“
Bagi 2021, aduan
diterima 1,249,
manakala 2022
pula 1,580 aduan
Kenyataan DVS

Maritim Malaysia sita ambai, belat haram

Shah Alam: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menyita alat tangkapan ikan seperti ambai dan belat yang dipasang secara haram di sepanjang perairan Kuala Langat, dekat sini.

Rampasan dilakukan susulan Op Hurricane Bersepadu yang turut membabitkan Jabatan Perikanan Selangor pada Khamis dan Jumaat lalu.

Pengarah Maritim Selangor, Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh, berkata rampasan ambai atau tangkuk penangkap ikan yang disyaki tidak memiliki lesen itu dilakukan mengikut Seksyen 11(3)(b) Akta Perikanan 1985.

"Dalam operasi sama, beberapa set belat haram yang dipasang di sepanjang perairan turut ditemukan dan disita.

"Tindakan ini diambil mengikut mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana memasang peralatan menangkap ikan (belat) tanpa kebenaran bertulis daripada Ke-



Ambai dan belat haram disita dalam Op Hurricane Bersepadu antara Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan Selangor di perairan Kuala Langat, Jumaat lalu. (Foto ihsan Maritim Malaysia)

tua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya melalui kenyataan.

Abdul Muhaimin berkata, Op Hurricane Bersepadu bertujuan memupuk kesedaran komu-

niti nelayan terhadap pematuhan undang-undang dan hal ehwal pelesenan seperti termaktub dalam Akta Perikanan 1985.

"Pelaksanaan operasi ini mampu menjadi platform terbaik dalam perkongsian maklumat dan kepakaran merentasi agensi dan jabatan yang menguatkuasakan undang-undang Maritim," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2024	THE SUN	NASIONAL	4

Fisheries sector records production of 1.3m metric tonnes

JELEBU: Malaysia's fisheries sector has recorded a production of 1.3 million metric tonnes between January and this month, ensuring the country's food security.

Deputy director-general of Fisheries (Management) Wan Muhammad Aznan Abdullah said the total included the subsectors of capture fisheries, aquaculture and inland fisheries nationwide.

"Last year's record was 1.79 million metric tonnes. The country's food security now stands at 92%, with the aquaculture sector guaranteeing an increase in the supply of fish in addition to marine fish sources," he said, after attending the South Zone MyAgropreneur Perikanan (myAP) and MyKomuniti Perikanan (myKP) Carnival here on Saturday.

The programme was launched by Negeri Sembilan Agriculture, Food Security and Cost of Living Committee chairman Datuk Seri Jalaluddin Alias.

Wan Muhammad Aznan said the government wants the fisheries sector to contribute 40% of the country's total fish production by 2030, driven by the application of modern technology to increase productivity in line with the advancements of the Fourth Industrial Revolution.

He said the aquaculture sector in Negeri Sembilan was the largest contributor to the state's fish production, accounting for 90.78% (5,587.4 metric tonnes) of the overall production valued at RM73,867,000 last year, involving 431 registered operators.

He added that a development allocation of RM302,400 had been channelled to the Negeri Sembilan Fisheries Department to enhance entrepreneurship, community development and technical skills for 57 participants of the myAP and myKP projects.

Meanwhile, he said the ban on the harvesting of mussels and bivalves (shellfish) in the state and Malacca remains in force for consumer safety. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/7/2024	HARIAN METRO	LOKAL	3

Laksana OPA di Kedah dan Perak

Kuala Lumpur: Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan akan melaksanakan operasi pembenihan awan (OPA) di Kedah dan Perak selama tiga hari berturut-turut, bermula hari ini.

Beliau berkata, operasi itu bagi meningkatkan paras air di Empangan Bukit Merah, Perak dan Empangan Muda, Kedah untuk tujuan pertanian dan kegunaan air domestik.

Merujuk kepada

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 26 Julai lalu (Jumaat), Ahmad Zahid berkata, peratus takungan semasa Empangan Muda ialah

9.44 peratus manakala Empangan Bukit Merah, 15.25 peratus.

"Usaha ini satu daripada usaha kerajaan menangani impak fenomena cuaca panas dan Monsun Barat Daya yang dijangka berterusan hingga penghujung September 2024," katanya pada kenyataan di sini, semalam.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) berkata, operasi itu dilaksanakan atas permohonan Lembaga Kemaajuan Pertanian Muda (Mada), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (Iada) Kerian serta Lem-

baga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK).

Pelaksanaan menerusi penyelarasan antara Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Ahmad Zahid berkata, bekalan air dari Empangan Muda dialirkan ke Empangan Pedu, Kedah bagi

keperluan domestik, industri dan pengairan padi.

Beliau berkata, tanaman padi Kawasan Muda adalah jelapang padi terbe-

sar di Malaysia dengan keluasan 100,641.19 hektar terdiri daripada 81,606.66 hektar di Kedah dan 19,034.53 hektar di Perlis.

Sementara kawasan tanaman padi di Kerian, Perak yang menerima sumber air dari Empangan Bukit Merah pula adalah jelapang padi ketiga terbesar negara dengan keluasan 20,326 hektar.

"Kekurangan turunan hujan akan mengakibatkan takungan simpanan akan terus menyusut seterusnya tidak dapat menampung keperluan untuk jangka masa panjang," katanya.

“Ini satu daripada usaha kerajaan tangani impak fenomena cuaca panas”
Ahmad Zahid

Banci Pertanian 2024 capai 20%

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

SUNGAI BULOH – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mencapai tahap 20 peratus bagi pelaksanaan Banci Pertanian 2024 yang dilakukan di seluruh negara, sejak ia dimulakan pada 7 Julai lalu.

Peratusan tersebut meliputi 251,371 orang yang telah dibanci di seluruh negara terdiri daripada empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perikanan & akuakultur serta perhutanan & pembalakan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, dari segi pecahan mengikut negeri Selangor, ia telah sampai ke tahap 25 peratus dengan melibatkan 17,000 orang, Kedah (25.2 peratus/20,881) dan Johor (23 peratus/45,000).

Selain itu, Kelantan (15.8 peratus/13,875), Melaka (13.9 peratus/2,602), Negeri Sembilan (22 peratus/8,487), Pahang (22.6 peratus/19,337), Pulau Pinang (28 peratus/5,433) dan Perak (18.5 peratus/12,968).

"Perlis mencatatkan (21 peratus/3,008), Terengganu (25.6 peratus/23,696), Sabah (17.8



MOHD. UZIR menunjukkan sebahagian produk keluaran syarikat Aquaculture Resources Centre di Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh semalam.

peratus/45,303), Sarawak (19.6 peratus/31,417) serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan (20.7 peratus/1,468)," katanya selepas melawat ARC Berkat Agro Food Sdn. Bhd. di Kampung Kubu Gajah di sini semalam.

Ditanya cabaran pelaksanaan bancia itu, beliau berkata, antaranya adalah sesetengah petani tidak menyimpan maklumat yang diperlukan.

"Ada juga petani yang tiada di lapangan, hanya pekerja sahaja yang ada. Mungkin mereka di bandar serta mempunyai pekerjaan tetap lain sebagai pegawai

Mohd. Uzir menjelaskan, bagaimanapun DOSM mendapat kerjasama yang baik terutama daripada agensi kerajaan negeri dan peringkat daerah dalam melaksanakan bancia tersebut.

"Komitmen kerjasama itu hampir 100 peratus sekali gus menjadi satu indikator awal bahawa kejayaan untuk sampai ke tarikh tutup 10 Oktober ini, kita sudah berada di sebelah kaki."

"Jadi kita kena dapatkan data dinamik dan berterusan, jadi kita kena kemas kini data-data tersebut," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kali terakhir Banci Pertanian dilaksanakan adalah pada 2005 iaitu kira-kira 19 tahun lalu sekali gus pengumpulan data terkini penting bagi mendapatkan maklumat dinamik dan terkini.

"Kita mahu tambah baik, misalnya, bagaimana penyaluran program berbentuk bantuan diberikan kepada pemilik tanah, tetapi ia tidak diusahakan."

"Perkara ini memerlukan penambahbaikan supaya dana awam itu digunakan dengan berkesan," katanya.

Golongan tak mampu berpeluang nikmati raja buah

Durian kampung hanya RM4 sekilogram

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

BATU GAJAH – Menyedari ramai yang kurang berkemampuan untuk membeli durian, seorang peniaga di Kampung Changkat Tin, Tanjung Tualang sejak tiga tahun lalu menjual durian kampung hanya pada harga RM4 bagi satu kilogram (kg).

Menurut Azura Manas, 40, dia berbuat demikian kerana mengetahui tidak semua orang mampu untuk membeli durian yang kebanyakannya dijual dengan harga mahal.

"Majoriti pembeli durian RM4 ini ialah orang kampung yang bekerja sendiri selain golongan

B40 yang ingin makan durian pada harga berpatutan.

"Saya boleh menjual sehingga 150 kg sehari dengan keuntungan hanya 50 sen sekilogram," katanya di sini semalam.

Tambahnya, dia juga menjual durian pada harga murah berdasarkan pengalaman pahit diluainya sebelum ini.

Katanya, dia sebelum ini seorang usahawan, namun perniagaan merosot kerana pandemik Covid-19, sebelum mengambil keputusan pulang ke kampung.

"Dahulu, semasa dalam kesulitan kewangan, anak saya teringin sangat nak makan durian, namun kami tidak mampu. Sekarang,

selepas kewangan stabil dan mengambil keputusan menjual raja buah pada harga mampu milik," katanya.

Ujarnya, durian kampung yang dijualnya diperolehi di Kampung Kinjang, Chenderiang di Tapah yang kebanyakannya ditanam oleh Orang Asli.

Menurutnya, durian yang dijual pada harga tersebut sedikit merekah, namun isinya masih baik dan boleh dimakan kerana tidak berair.

"Itulah keistimewaan durian yang ditanam oleh Orang Asli di kawasan bukit, tidak menggunakan sebarang racun atau baja," katanya.



AZURA telah tiga tahun menjual durian kampung dengan harga RM4 sekilogram di Kampung Changkat Tin, Tanjung Tualang, Batu Gajah, semalam.



YOK FON (kanan) mengasingkan durian musang king yang dilborong pelanggan mengikut gred di Kampung Batu Papan 2, Gua Musang semalam. – AIMUNI TUAN LAH

Musang king Gua Musang laris, buah berkualiti tinggi

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Pekebun durian di daerah ini tidak menangan apabila banyak menerima tempahan hampir setengah tan jenis musang king setiap hari daripada pelanggan, pemborong untuk pasaran ibu negara dan Raub, Pahang.

Harga pasaran durian musang king antara RM45 sehingga RM75 sekilogram mengikut gred.

Seorang pekebun, Chong Yok Fon, 45, berkata, sebanyak 500 batang pokok durian musang king yang ditanam sejak 30 tahun lalu mengeluarkan lebih 4,000 biji pada tahun ini.

Katanya, durian gred A kurang berbanding gred B dan C.

Ujarnya, permintaan durian jenis musang king kekal tinggi meskipun harga jualannya meningkat tahun ini sejak luruh pada awal bulan ini.

"Musang king yang ditanam sejak 30 tahun lalu berkualiti tinggi. Rasanya yang sedap menepati selera orang ramai menjadikannya sentiasa mendapat permintaan tinggi dari dalam dan luar negara," katanya ketika ditemui di Kampung Batu Papan 2 di sini semalam.

Seorang lagi pekebun, Chong

Yuk Yen, 49, pula berkata, buah durian musang king mendapat permintaan tinggi terutama pelanggan dari China dan Singapura.

"Durian yang sering dicari pelanggan antaranya musang king dan duri hitam. Kualiti durian musang king dari Gua Musang diakui kerana hasil yang dikeluarkan pekebun melalui proses penjagaan dan pengurusan kebun yang baik," katanya.

Sementara itu, seorang pemborong dari Raub, Yap Kah Fel, 26, pula berkata, dia sanggup menempuh perjalanan lebih dua jam dari Raub ke Gua Musang untuk mencari buah durian.

Katanya, dia memborong satu tan durian jenis musang king, duri hitam, tekka, D24 dan durian kampung bagi menampung permintaan pelanggan setiap hari.

"Durian di kawasan Raub tidak mencukupi pada musim kali ini sehingga menyebabkan kami terpaksa mengambil durian dari luar termasuk di Gua Musang.

"Durian di sini terutamanya musang king sangat berkualiti kerana saya dapat proses dan mengeksport ke Singapura, China, Hong Kong selain Indonesia," katanya.